



---

**KERJA-KERJA PENANAMAN KABEL DASAR LAUT  
( FIBER OPTIC SUBMARINE CABLE )  
DI PERAIRAN PINTU GEDONG, PELABUHAN KLANG  
( LANJUTAN TEMPOH KERJA )**

---

Daripada : Pegawai Pelabuhan, Jabatan Laut Wilayah Tengah.  
Kepada : Syarikat-Syarikat Perkapalan, Malim Pelabuhan, Nakhoda Kapal,  
Pelaut Tempatan, Nelayan-Nelayan dan Semua Pihak Yang Berkaitan.  
Tarikh : 7 December 2005.

---

Dimaklumkan bahawa syarikat telekomunikasi tempatan, TIME dotCom Bhd akan melaksanakan kerja-kerja penanaman kabel dasar laut (Fiber Optic) di perairan Pintu Gedong, Pelabuhan Klang sebagai usaha pelencongan laluan sebahagian rentangan kabel dasar laut mereka yang sedia ada. Dalam pakej keseluruhan projek mereka itu yang merentasi laluan menghala ke Barat dari suatu poin di sebelah Timur "South Channel" di kedudukan Lat. 02° 52' 26.7 Utara, Long. 101° 16' 17.3" Timur hingga ke suatu poin di sebelah Barat di kedudukan Lat. 02° 53' 06.8" Utara, Long. 101° 12' 32.5" Timur yang dijangka akan memakan masa selama tempoh kira-kira dua bulan itu, akan dijalankan dalam beberapa peringkat.

2. Di peringkat awalan ini, kerja-kerja akan hanya melibatkan usaha memposisikan barj dengan menggunakan empat sauh serta penanaman empat batang tiang-tiang gol di sebelah Timur "South Channel", bagi persiapan kerja-kerja HDD (Horizontal Directional Drilling). Kerja-kerja peringkat awalan tersebut akan bermula pada **17 December 2005**. Bagi tujuan itu, dua buah vesel akan digunakan, iaitu sebuah bot tunda "GULF 28" serta sebuah barj "BPK683K".

3. Selaras dengan itu, maka semua kapal, bot-bot dan bot-bot nelayan adalah diingatkan supaya berhati-hati semasa melalui kawasan projek serta **mestilah mengelak** dari memasuki kawasan kerja yang berada dalam lingkungan kordinat-kordinat **Lat. 02° 52' 44.7"U / Long. 101° 15' 15.3"T, Lat. 02° 52' 31.8"U / Long. 101° 15' 12.8"T, Lat. 02° 52' 29.3"U / Long. 101° 15' 25.5"T dan Lat. 02° 52' 42.1"U / Long. 101° 15' 28.0"T**.

Sekian, terima kasih.

( **SELVARAJU A/L MARUTHAMUTHU** )

b.p. Pegawai Pelabuhan,  
Jabatan Laut Wilayah Tengah,  
Pelabuhan Klang.

- s.k: (i) Ketua Pengarah Laut,  
Ibu Pejabat Laut Semenanjung Malaysia.  
( u.p: Pengarah Bahagian Keselamatan Pelayaran /  
Penyelia Pusat VTS/MRCC Pelabuhan Klang )
- (ii) Pengarah Laut Wilayah Tengah.
- (iii) Pengurus Besar LPK.